



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**RABU 28 JUN 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4.	NAK JUAL SEPARUH PUN SAKIT!, LOKAL, HM -13 AIDILADHA: TEMPAHAN LEMBU KORBAN KURANG, DALAM NEGERI, UM -32 CARA PERAK BANTU OKU, LOKAL, HM -11 DO MORE FOR ANIMAL WELFARE, NATION, THE STAR -8	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5. 6.	PANAS: IKAN RAKYAT MATI, PINDAH LOKASI, DALAM NEGERI, UM -30 IKAN KEMBUNG KURANG PUNCA BEKALAN MEROSOT, DALAM NEGERI, UM -30	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7.	KADA KELASKAN TIGA KAWASAN BANTU TINGKATKAN HASIL PADI, NEGERI KELANTAN, SH -24	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
8. 9. 10. 11.	WARGA ASING DAKWA BERNIAGA SEJAK LEBIH 30 TAHUN LALU, DALAM NEGERI, UM -29 GADIS KENTAL PILIH KERJAYA JADI PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -29 KENDALI DRON, BAWA TRAKTOR BAJAK SAWAH, LOKAL, HM -22 BERAS TEMPATAN, IMPORT NAIK HARGA, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Nak jual separuh pun sakit!

Permintaan dan jualan lembu Hari Raya Korban berkurangan pada tahun ini

Oleh Alias Abd Rani  
am@hmetro.com.my

## Batu Pahat

**“N**ak jual separuh (lembu ternakan) pun sakit, tahun ini jualan lembu agak perlahan,” keluh beberapa penternak sekitar daerah ini, apabila permintaan dan jualan lembu untuk Hari Raya Korban jauh berkurangan.

Akibatnya penternak terpaksa mengambil langkah lain termasuk menjual ternakan itu secara terus kepada peniaga daging.

Penternak lembu, Azizi Idrus, 26, berkata, pada Aliladha tahun lalu, dia mampu menjual lembu korban sehingga 300 ekor.

“Namun pada tahun ini jualan saya jatuh dan sukar mencapai 100 ekor.

“Rata-rata pembeli tahun lalu termasuk kelompok penduduk kampung, karlah masjid dan surau kurang membeli lembu korban berikutan masalah kewangan dihadapi mereka.

“Kebanyakan orang



AZIZI melihat ternakan lembunya di Parit Ju, Sri Medan. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

kampung bergantung kepada jualan dan harga kelapa sawit. Mereka menyertai ibadah korban jika mendapatkan memuaskannya.

Menurutnya lagi, permintaan lembu untuk di-

tahun lalu.

Katanya, masjid dan surau yang sebelum ini memarah lembu korban mencecah 15 ekor sebaliknya hanya membeli sekitar tujuh ekor tahun ini.

“Kami pun terkejut dan tidak menyangka jualan lembu tahun ini akan jatuh. Banyak cara saya lakukan supaya lembu ini terjual namun menemui jalan sukar.

“Kebanyakan penduduk memberikan alasan sama iaitu masalah kewangan yang membatasi hasrat untuk menjalankan ibadah korban tahun ini,” katanya yang menjadi penternak sejak usia 18 tahun.

Sementara itu Khalid Masod, 32, berkata, harga jualan lembu diletakkan antara RM4,500 hingga RM6,000 masih belum mampu menarik pembeli.

“Saya terpaksa mencari pembeli di merata-rata tempat termasuk luar Johor. Setakat hari ini, 60 ekor sudah terjual berbanding 80 ekor tahun lalu,” katanya.

katanya.

# Aidiladha: Tempahan lembu korban kurang

**KUALA TERENGGANU:** Seorang penternak tetap bersyukur apabila mendapat tempahan 60 ekor lembu untuk dijadikan haiwan korban pada Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi meskipun jumlah tersebut lebih kecil berbanding sasaran asalnya.

Mohd. Syamsul Salleh, 49, dari Kampung Kubang Parit di sini berkata, kebiasaannya dia dapat menjual lebih 100 ekor lembu pada tahun-tahun sebelumnya ini.

Katanya, memang jumlahnya tidak akan kurang dari 100 ekor sebab tahun lepas pun paling sikit dia jual 103 ekor lembu untuk dijadikan korban.

"Tahun ini, jualan merosot dengan mendadak sedangkan harga lembu masih sama iaitu lebih RM4,600 seekor bergantung kepada saiz.

"Satu bahagian pula saya jual RM700 hingga RM850 juga bergantung kepada saiz lembu. Bukan saya seorang sahaja yang terkesan kerana ramai penternak lain turut mengeluh



**MOHD. SYAMSUL SALLEH** meninjau keadaan lembu-lembu ternakannya yang ditempah pelanggannya menjelang Hari Raya Aidiladha di Kg. Kubang Parit, Kuala Terengganu. - UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN

dengan masalah yang sama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Walaupun jualan agak merosot, Mohd. Syamsul berkata, kemeriahan Aidiladha tetap terasa

dan dia sentiasa berfikir positif kerana untung rugi adalah adat dalam perniagaan.

Dia yang mewarisi perniagaan dalam bidang ternakan daripada ayahnya berkata, situasi itu agak membimbangkan kerana ramai pelanggan setianya yang mengakui mereka tidak dapat melakukan korban pada tahun ini kerana kekurangan kewangan.

"Ada juga yang memberitahu mereka buat korban di luar negara kerana lebih murah berbanding harga haiwan korban di Malaysia.

"Kita pun faham dalam keadaan ekonomi gawat ini, orang ramai agak berhati-hati dalam berbelanja, cuma saya berharap situasi ini tidak akan kekal selamanya kerana lebih afdal kita buat korban di tempat sendiri.

"Ketika ini, saya dan rakan penternak yang lain juga masih mengiklankan lembu yang ada di kandang untuk mereka yang mahu membuat korban di saat-saat akhir," katanya.

Oleh Muhamad Lokman Khairi  
am@hmetro.com.my

## Teluk Intan

Adiladha kali ini cukup bermakna buat pemuda orang kurang upaya (OKU) pekak dan bisu, Ahmad Kariman Ramli kerana hampir kesemua lembu ternakannya sudah ditem-  
pah.

Ahmad Kariman, 34, berkata, sebanyak 32 daripada 38 ekor lembu yang diter-nakkannya pada musim ini sudah terjual dan siap sedia dihantar kepada pembeli bagi tujuan ibadiah korban yang akan bermula esok.

Anak jati kelahiran Kampung Banjar, Teluk Intan itu berkata, inilah keuntungan paling lumayan yang berjaya dia perolehi sejak mula men-  
ternak secara kecil-kecilan enam tahun lalu.

"Hauga jualan yang dite-  
tapkan bagi setiap lembu ini adalah sekitar RM4,800 hingga RM7,800 seekor ber-  
gantung kepada saiz dan je-  
nis baka.

"Waktu permulaan dahul-  
u, saya gunakan modal sen-  
diri sekitar RM6,000 dengan

# Cara Perak bantu OKU

## Pemuda pekak bisu kini menjadi penternak lembu berjaya



AHMAD Kariman menternak lembu di ladang miliknya sendiri di Kampung Banjar, Teluk Intan. membeli enam ekor anak lembu dan menternak di atas tanah seluas enam ekar milik saya ini.

"Ketika itu agak sukar un-  
tuk kami mendapatkan pembeli kerana orang belum lagi mengenali saya, di samping ba-  
nyak pesaing sedia ada,"  
katanya yang menggu-

**Ahmad Kariman diajar oleh ayahnya cara menternak lembu**

ngan baik," katanya.

Menurut anak kelapan da-  
ri 10 beradik itu, dia tidak pernah mengikuti bidang penternakan secara formal, sebaliknya diajar oleh ayah-  
nya yang berpengalaman da-  
lam bidang berkenaan.

"Ayah saya, Ramli Jailani, 73, pernah menternak lem-  
bu, jadi ayahlah yang me-  
ngajar saya melalui penga-  
lamannya.

"Waktu paling mencabar sepanjang enam tahun ini adalah sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020 dulu kerana se-  
mula membeli yang sudah membuat tempahan ketika itu membatalan tempahan mereka pada saat akhir.

"Bagi mendapatkan semu-  
la modal, lembu-lembu ke-  
tika itu terpaksa dijual pada harga yang lebih murah ke-  
pada peniaga daging. Orang kata ketika itu, kami pen-  
ternak dapat untung sedikit, mereka peniaga pun untung sedikit," katanya.

Mengenai cabaran dari se-  
gi penyakit pula, katanya ia tidak begitu membimban-  
kan buat masa ini kerana pemantauan rapi turut di-  
bantu Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Jika ada masalah meli-  
batkan kesihatan ternakan, pihak JPV akan datang untuk perlu mereka akan suntikan lembu supaya dapat men-  
cegah penyakit," katanya.

Berkongsi kisah perniaga-  
annya, graduan Kejurute-  
raan Awam Politeknik Ung-  
ku Omar itu memutuskan untuk mengembangkan lagi perniagaannya melalui Pin-  
jaman Tanpa Faedah dengan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SA-  
DC) berjumlah RM24,000 untuk membina kandang yang lebih besar dan me-  
nambah jumlah ternakan.

Jelasnya, bantuan pinja-  
man yang disediakan Perak SADC melalui inisiatif Perak Sejahtera 2030 itu benar-be-  
nar menjadi batu loncatan bagi membolehkan dia bangkit semula dalam dunia perniagaannya.

"Hasil pinjaman itu, saya bina kandang baharu sepan-  
jang 70 kaki dan bakinya saya gunakan untuk membeli enam ekor lembu lagi.

"Hasil keuntungan bebe-  
rapa tahun ini, kini saya bo-  
leh menternak sejumlah 38 ekor lembu membabitkan dua baka Kedah-Kelantan (KK) Cross dan Brahma Cross," katanya.

# Do more for animal welfare

The horrors of backyard breeding, besides shady so-called animal rescuers, should be checked under Selangor's announcement to ban the sale of cats and dogs in pet shops.

SELANGOR'S plan to stop selling cats and dogs in pet shops has shone a much needed spotlight on the ugly side of backyard breeding in Malaysia.

Though there was no mention of the starting date, the proposed ban, which was announced on June 12 by Selangor executive councillor Ng Sze Han, is indeed timely.

The animal rescue fraternity was pleased with the news, given that backyard breeding is a huge bane in Malaysia as it is mostly carried out in horrible conditions. These animals are often made to breed until their bodies give up.

They are then dumped on the streets when they cannot produce puppies or kittens anymore.

If they are lucky, the animals, mostly dogs, would be picked up by rescuers or animal lovers. The unlucky ones would probably die in road accidents or of illness and starvation as their frail and bent bodies prevent them from scavenging for food to survive on the streets.

This is the grim reality behind



WANI

MUTHIAH

wani@thestar.com.my

## Comment

backyard breeding, which is said to be a source of affordable puppies and kittens supplied to pet shops, which in turn enable just about anyone to own a pedigree.

Because of the poor conditions they were born into as well as indiscriminate in-breeding, these animals come with compromised health conditions.

So when "budget owners" could no longer afford the massive veterinary costs, the pets are unceremoniously abandoned on the streets.

As such, the plan for the ban led to much delight of animal rescuers, who encouraged animal lovers to adopt rescued mixed and local

breeds or the dumped pedigrees.

They want the breeding and sale of pedigrees to be completely eradicated.

But this is not rationale or practical as it is akin to promoting feline and canine genocide. The halt in breeding will eventually wipe out entire breeds here.

And it's also everybody's right to own a feline or canine breed of their choice.

Hence, such a ban should be enforced for the right reason since there are no proper laws regulating for breeders in Malaysia.

And not because of the misconceived notion of completely wiping out breeding.

As for the authorities, besides regulating pet shops, there is a need to bust backyard breeders who are doing a booming business on social media platforms.

Only registered and reputable breeders should be allowed to breed and trade, once they can show proof that their puppies are not inbred by providing details of the sires and dams up to five or six generations.

Buyers must also be allowed to pick up their new pets after the animals have received the third vaccination from a registered veterinarian and not, for instance, when the puppy is as young as one month old as is the practice now.

If double microchipping is allowed, the puppy or kitten must carry microchips with both the breeders' and adopters' details.

The onus must also be on breeders to keep proper records as there have been instances where they were clueless about their clients when microchipped dogs were rescued off the streets.

Perhaps pet shops, instead of having puppies and kittens miserably sitting in glass cases in their stores, can function as intermediaries to link buyers with home breeders.

Another important condition that must be imposed is that the dam can only be bred three times within three years and the sire about four times over a period of two years.

They must also not be kept caged and must be kept groomed

and well-fed.

Once their breeding cycle is completed, both the sire and dam must be neutered and can be sold if the breeder has no desire to keep them.

It would be even better if they can be put up for adoption through adoption drives by animal rescue and welfare groups.

Animal rescuers are indeed a special group of people who would go the distance for the voiceless among us but more often than not, many of the issues they champion for go unresolved.

But there have also been irrational demands, an unwillingness to seek a middle path as well as not being able to come up with win-win suggestions.

However, there are also some so-called rescuers who have financial motives.

This would also jeopardise the efforts of genuine and hardworking animal activists.

This unscrupulous lot must also be flushed out together with the backyard breeders and illegal pet traders if animal welfare is expected to improve in Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

# Panas: Ikan rakyat mati, pindah lokasi

Oleh TOREK SULONG  
utusannews@mediamula.com.my

**BACHOK:** Rungutan bekalan ikan rakyat merosot ketika ini berpunca akibat cuaca laut yang panas melampau sehingga sesetengah spesies ikan seperti selayang mati atau berpindah ke kawasan lain.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bachok, Saripudin Ishak berkata, sebelum ini, kekurangan bekalan berpunca daripada faktor semula jadi seperti bulan mengambang dan musim ikan bertelur.

Menurut beliau, ketika musim panas sebegini ramai nelayan 'mengalah' kerana setiap kali turun ke laut, hasil diperolehi tidak banyak berbanding sebelum ini.

"Keadaan ini menyebabkan ikan rakyat seperti sardin kurang di pasaran. Akibat musim panas juga banyak ikan ditemui mati terapung di permukaan laut. Pemancing juga merungut kerana hanya ikan kalis panas seperti buntal lebih banyak ditemui," kata beliau.

Selain itu, kata Saripudin berkata, kerja-kerja penambakan laut juga menjadi faktor memusnahkan habitat dan tempat ikan membiak serta kematian plankton apabila ekosistem laut berubah.

"Buktinya, sebelum ini keadaan air laut di kawasan Bachok bersih namun sejak kebelakangan ini pukat mereka sering berselut dan terlekat lumpur. Ia sesuatu yang pelik



**Sebelum ini keadaan air laut di kawasan Bachok bersih namun sejak kebelakangan ini pukat mereka sering berselut dan terlekat lumpur."**

SARIPUDIN ISHAK

yang tidak pernah dialami nelayan di kawasan ini," katanya.

Beliau berkata, kenaikan harga ikan rakyat sebenarnya terakut kepada keinginan pengguna yang gemar membeli ikan basah segar terutama pada waktu nelayan kurang turun ke laut atau pada musim laut bergelora.

Katanya, stok bekalan ikan rakyat yang ada lebih daripada mencukupi cuma sukar untuk mengubah selera dan tabiat pengguna (pembeli) untuk makan ikan sejuk beku termasuk penduduk yang berhampiran dengan pantai.

"Ikan sejuk beku hanya dimakan pengguna yang tinggal di pedalaman atau di restoran besar di Kuala Lumpur atau bandar-bandar utama. Selera individu berbeza sebenarnya walau pun kita jual 'ikan rakyat' yang disejuk beku dan masih segar, mereka tetap memilih untuk tidak membelinya," katanya.

## Ikan kembung kurang punca bekalan merosot

**GEORGE TOWN:** Sikap segelintir nelayan menangkap anak-anak ikan di perairan selatan Pulau Pinang didakwa antara faktor mengapa bekalan ikan kembung berkurangan di negeri ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan, Arshad Omar berkata, ketika ini sepatutnya musim tangkapan ikan kembung di perairan selatan, namun ikan berkenaan berkurangan kerana anak-anak

ikan habis ditangkap.

"Anak-anak ikan kembung yang belum matang telah ditangkap bertan-tan sebelum ini oleh nelayan yang tidak bertanggungjawab.

"Sepatutnya sekarang memang musim ikan kembung, namun anak-anak ikan tidak sempat matang kerana ditangkap dan akibatnya ketika ini menjadi punca bekalan ikan kembung kurang dan mahal di pasaran," katanya kepada *Utusan Malay-*

*sia* di sini semalam.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan bekalan ikan rakyat atau ikan kembung di negeri ini melonjak kepada RM14 sekilogram berbanding RM12 sekilogram sebelum ini.

Menurutnya, anak-anak ikan kembung yang belum matang tidak sepatutnya ditangkap kerana saiznya yang kecil dan tidak sesuai untuk dimakan.

"Nelayan yang menangkap ikan kecil ini akan menjual

dengan harga RM2 sekilogram untuk dijadikan makanan ikan yang dibela disangkar-sangkar ikan," katanya.

Selain itu, kata Arshad, cuaca tidak menentu juga menjadi penyebab bekalan ikan kembung berkurangan.

"Cuaca hujan, ribut dan laut bergelora sejak akhir-akhir ini menyebabkan ramai nelayan tidak turun ke laut kerana tidak berani mengambil risiko berhubung keselamatan mereka,"

katanya.

Dalam pada itu, Ketua Unit Nelayan Teluk Kumbar, Roslihan Ramli berkata, bekalan ikan kembung juga amat berkurangan sekitar perairan Teluk Kumbar pada masa ini.

"Mungkin kerana faktor cuaca tidak menentu turut memberi kesan kepada pembiakan ikan di kawasan ini yang sebelum ini memang terkenal sebagai kawasan pembiakan ikan dan udang," katanya.

# Warga asing dakwa berniaga sejak lebih 30 tahun lalu

Oleh **NORHAFIZAN ZULKIFLI**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUANTAN:** Seorang warga asing di daerah ini memiliki perniagaan menjual karpet sejak lebih 30 tahun lalu dan merancang menambah cawangan biarpun berdepan kemerosotan pelanggan ketika ini.

Warga asing terbabit yang hanya ingin dikenali sebagai Ahmad, 65, berkata, dia memulakan perniagaan menjual karpet dari Pulau Pinang sebelum berpindah ke negeri ini.

Tambahnya, perniagaan terbabit sehingga kini masih mendapat ramai pelanggan, namun, sedikit berkurangan kebelakangan ini ekoran saingan perniagaan dalam talian.

Namun begitu, katanya, dia tidak merancang menjual barangannya secara dalam talian kerana percaya masih ada pelanggan yang akan ke kedai un-

## Warga asing 'kawal' ekonomi negara

BERSEKUTUAN

**PUTRAJAYA:** Menteri Kanan (Pena-  
nang) Datuk Seri Anwar Ibrahim  
menyatakan bahawa kerajaan  
tidak akan mengizinkan perniagaan  
yang dijalankan oleh warga asing  
untuk menguasai sektor perniagaan  
di negara ini.

Orang tempatan  
tidak minat kerja  
ladang, pertanian,  
ladang ayam,  
pasar botong

Orang tempatan  
tidak minat kerja  
ladang, pertanian,  
ladang ayam,  
pasar botong

Orang tempatan  
tidak minat kerja  
ladang, pertanian,  
ladang ayam,  
pasar botong

Orang tempatan  
tidak minat kerja  
ladang, pertanian,  
ladang ayam,  
pasar botong



tuk merasa sendiri kualiti barangan sebelum membeli.

Sebaliknya, dia memaklumkan merancang membuka cawangan di daerah lain di negeri ini kerana terdapat saudara maranya di situ.

"Saya ada ramai saudara mara di sini dan mereka juga ada kedai. Kami sudah lama berniaga di sini.

"Walaupun keadaan sekarang tidak lagi seperti dahulu kerana

sudah ada saingan dari peniaga secara dalam talian, tapi kami masih boleh bertahan," katanya di sini semalam.

Ditanya bagaimana dia memperoleh lesen memulakan perniagaannya, Ahmad enggan mengulas.

Utusan Malaysia difahamkan rata-rata peniaga warga asing ini memohon lesen perniagaan melalui pasangan masing-masing yang merupakan warga

tempatan mahupun melalui rakan kongsi warga tempatan.

Utusan Malaysia kelmamin melaporkan bahawa, hampir semua sektor ekonomi berasaskan rangkaian bekalan dan pengeluaran makanan negara 'dikawal' warga asing apabila kebanyakan majikan terpaksa bergantung sehingga 80 peratus kepada tenaga kerja orang luar.

Perkara itu berterusan dan warga asing kini bukan hanya bekerja sebagai buruh tetapi semakin ramai berjaya mengusahakan kebun sayur sendiri dan mula menguasai sektor runcit untuk membekalkan barangan keperluan kepada penduduk sekitar.

Contoh, sektor sawit, Malaysia yang membekalkan 39 peratus daripada seluruh bekalan minyak sawit dunia, memerlukan 80 peratus atau 400,000 warga asing daripada 500,000 tenaga kerja bagi industri itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2023	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	24

# Gadis kental pilih kerjaya jadi pesawah

Turut menguasai ilmu petani moden mengendalikan dron, memandu traktor pembajak dan lori

## PASIR PUTEH

Seorang gadis membuktikan perwatakan lembut bukan halangan memecah tembok dunia pekerjaan yang dimonopoli lelaki apabila berjaya mengusahakan tanah sawah di Kampung Lepah, di sini seawal umur 18 tahun.

Tidak seperti gadis lain yang seusianya, Siti Hajar Che Satar, 20, mempunyai keazaman yang sangat tinggi untuk bergelar petani wanita yang berjaya di negeri ini.

"Saya memang terdedah dengan kerja-kerja sawah sejak kecil lagi sebab ayah seorang petani tetapi mulai serius ceburi kerjaya lasak ini bermula dua tahun lalu selepas tamat tingkatan lima," katanya ketika ditemui di sini pada Selasa.

Menurut Siti Hajar, hasratnya untuk bergelar petani awalnya tidak dipersetujui ayahnya, Che Satar Nor, 63, yang lebih suka dia menyambung pelajaran.

Namun Siti Hajar berjaya meyakinkan ayahnya selepas berjaya mengusahakan 0.4 hektar



Siti Hajar turut berkebolehan memandu traktor pembajak selepas mendapat tunjuk ajar daripada bapa dan dua orang abangnya.

tanah sawah sebagai percubaan dengan meraih jualan hasil pertama sebanyak RM4,000.

Siti Hajar berkata, beliau makin bersemangat untuk mengusahakan tanaman padi selepas berjaya mengekalkan 'rekod' baik sepanjang tiga musim lepas.

Bermula dari kejayaan tersebut, anak bongsu daripada lapan beradik itu mula menambah kemahiran dirinya dengan belajar mengendalikan dron, traktor pembajak dan memandu lori sendiri daripada dua abangnya Mohd Firdaus, 27, dan Mohd Aiman, 23.

"Dua orang abang saya ini saya anggap 'sifu' selain ayah. Mereka banyak mengajar saya mengendalikan semua peralatan pertanian untuk proses pe-

nanaman padi. "Dalam tempoh sebulan saya berjaya menguasai kemahiran mengendalikan traktor bajak tanah selain menggunakan dron untuk proses menabur benih dan membaja," katanya.

Berbekalkan kemahiran yang dikuasainya itu, Siti Hajar berhasrat menambah keluasan tanaman padinya kepada empat hektar pada musim akan datang.

Bercerita mengenai cabaran bergelar petani, Siti Hajar mengakui ia bukan sesuatu yang mudah dan menuntut persediaan mental dan fizikal.

Namun berbekalkan liltizam yang kuat, dia bersedia menahut semua cabaran itu termasuk terpaksa berjemur di bawah terik matahari.

"Ramai juga yang memper-



Anak bongsu daripada lapan beradik ini mempunyai keazaman yang sangat tinggi untuk bergelar petani wanita yang berjaya di Kelantan.



Siti Hajar menunjukkan cara mengendalikan dron bagi tujuan kerja-kerja menyemur racun untuk tanaman padi.

soalkan kerja pilihan saya ini kerana biasanya gadis usia saya sangat memementingkan kecantikan sedangkan saya sanggup berjemur di bawah terik matahari.

"Tapi bagi saya, tidak menjadi satu kesalahan jika kita mempunyai pendirian berbeza asalkan apa yang diimpikan mampu dicapai," ujarnya.

Menurut Siti Hajar, bidang pertanian mempunyai prospek kerjaya yang cerah memandang-

kan permintaan terhadap bekalan makanan sangat tinggi di dalam dan luar negara.

Perspektif tersebut menguatkan lagi keyakinannya untuk terus fokus kepada bidang yang diceburinya itu.

"Siapa tahu mungkin satu hari nanti saya boleh mengusahakan tanah sawah yang lebih luas, memiliki pekerja yang ramai, kilang memproses padi sendiri dan produk beras jenama sendiri," katanya. - Bernama

## KADA kelaskan tiga kawasan bantu tingkatkan hasil padi



Sebahagian daripada penerima pada Majlis Penyampaian Bantuan Program Peningkatan Pendapatan Petani Agro Industri selain padi (ternakan unggas) di Pejabat KADA Seling, pada Selasa.

PASIR PUTEH - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mengelaskan tiga kawasan tanaman padi di bawah seliaan agensi itu dalam usaha meningkatkan lagi pengeluaran hasil pada masa akan datang.

Pengerusinya, Muhamad Husin berkata, pengelasan itu melibatkan hasil tinggi, sederhana dan rendah.

"Tujuan kaedah ini diperkenalkan supaya kawasan yang memperoleh hasil rendah dapat diberikan tumpuan.

"Kebanyakan kawasan ini pengeluarannya bawah empat tan metrik sehektar," katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan Program Peningkatan Pendapatan Petani Agro Industri selain padi (ternakan unggas) di Pejabat KADA Seling pada Selasa.

Menurutnya, bagaimanapun Ladang Merdeka KADA sudah men-

capai pengeluaran hasil melebihi lima tan dan ke atas untuk satu hektar.

Ujarnya, agensi itu akan terus mengorak langkah dengan lebih agresif bagi memastikan pengeluaran hasil pada masa hadapan dapat ditingkatkan.

Muhamad memberitahu, masalah air turut mempengaruhi jumlah pengeluaran hasil padi KADA.

Beliau menambah, Pasir Puteh, Bachok dan Tumpat antara lokasi yang berdepan dengan masalah itu ketika ini.

"Insyaa-ALLAH bila Rumah Pam Kemubu 3 siap kelak, masalah air di ketiga-tiga lokasi itu akan dapat diselesaikan nanti.

"Kita yakin, jumlah hasil padi akan dapat ditingkatkan selepas ini," katanya.

# Kendali dron, bawa traktor bajak sawah

Siti Hajar pilih kerjaya sebagai petani selepas tamat belajar dua tahun lalu



Siti Hajar bersama ayahnya, Che Satar memastikan traktor pembajak dalam keadaan selamat sebelum menggunakannya.



Siti Hajar memandu traktor pembajak sawah di Kampong Lepah, Selising.

“Ramai juga yang mempersoalkan kerja pilihan saya ini kerana biasanya gadis seusia saya sangat mementingkan kecantikan Siti Hajar

**S**orang gadis membuktikan perwatakan lembut bukan halangan memecah tembok dunia pekerjaan dimonopoli lelaki apabila berjaya mengusahakan tanah sawah di Kampong Lepah di sini, seawal umur 18 tahun. Tidak seperti gadis lain seusianya, Siti Hajar Che Satar, 26, mempunyai keazaman yang sangat tinggi untuk bergelar petani wanita yang berjaya di negeri ini.

“Saya memang terdedah dengan kerja sawah sejak kecil lagi kerana ayah seorang petani, tetapi mulai serius ceburi kerjaya lasak ini bermula dua tahun lalu selepas tamat tingkatan lima,” katanya, semalam. Menurut Siti Hajar, hasratnya untuk bergelar petani awalnya tidak dipersetujui ayahnya, Che Satar Nor, 63, yang lebih suka dia menyambung pelajaran. Namun, Siti Hajar berjaya meyakinkan ayahnya selepas berjaya mengusahakan

Siti Hajar menerbangkan dron bagi kerja menyembur racun untuk bajak dan memandu lori sendiri daripada dua abangnya Mohd Firdaus, 27, serta Mohd Aliman, 23. “Dua abang saya ini dianggap ‘sifu’ selain ayah. Mereka banyak mengajar saya mengendalikannya semua peralatan pertanian untuk proses penanaman padi. “Dalam tempoh sebulan saya berjaya menguasai ke mahiran mengendalikannya traktor bajak tanah selain menggunakan dron untuk proses menabur benih dan

itu termasuk terpaksa berjemur di bawah terik matahari. “Ramai juga yang mempersoalkan kerja pilihan saya ini kerana biasanya gadis seusia saya sangat mementingkan kecantikan sedang kan saya sanggup berjemur di bawah terik matahari. “Tapi bagi saya, tidak menjadi satu kesalahan jika kita mempunyai pendirian berbeza asalkan apa yang diimpikan mampu dicapai,” katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2023	KOSMO	NEGARA	16

Sekampit makanan ruji itu meningkat hingga RM5

# Beras tempatan, import naik harga

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING

**JOHOR BAHRU** – Harga makanan ruji harian beras super spesial tempatan dan super spesial import rakyat di negara ini naik antara 10 hingga 15 peratus.

Desas-desus kenaikan harga beras itu berikutan dakwaan pemborong-pemborong beras mendakwa harga borong makanan ruji itu iaitu super spesial tempatan (SST) naik kepada RM2,250 bagi satu tan metrik berbanding RM1,200 pada 2021.

Kenaikan harga baharu itu sekali gus memberi kesan bukan sahaja kepada pemborong, pembekal serta peruncit malah kepada rakyat di negara ini yang merupakan pengguna akhir.

Ini sekali gus meningkatkan perbelanjaan bulanan bagi isi rumah yang kini sudah terbeban dengan kos bahan mentah lain.

Tinjauan Kosmo! di beberapa kedai runcit serta pasar raya di negeri ini mendapati beras pelbagai jenama termasuk beras import naik antara 10 hingga 15 peratus daripada harga sebelum ini.

Harga beras SST dan import bagi 5 kilogram (kg) naik antara RM15.90 sehingga RM16.00 berbanding RM11.99 hingga RM13.99.

Harga beras bagi kampil 10kg naik antara RM32 hingga RM35 berbanding harga sebelum ini bermula RM28.

Seorang pengusaha restoran masakan panas Thailand, Azizin Inche Harun berkata, harga baharu itu dikesan meningkat sejak minggu lalu.

"Ya, harga beras sudah naik sejak minggu lalu, saya biasa tempah dengan pemborong dalam jumlah banyak, bila semak inoivis diterima harga sudah naik.

"Kalau sebelum ini beras 10kg kami dapat harga RM32 untuk beras super spesial tempatan sekarang harga naik kepada RM35.



**ORANG** ramal mula merungut selepas harga beras mula naik sejak beberapa minggu lalu.

"Terkejut juga, kita sebagai peniaga terpaksa menanggung kenaikan kos bahan mentah ini, setakat ini masih belum naikan harga makanan di restoran, kita masih fikir soal persaingan, masih fikir pelanggan yang terbeban dengan pelbagai kos kenaikan harga barang-barang dan perkhidmatan," katanya kepada Kosmo! semalam.

Sementara itu, Pengurus Besar Econsave, Mas Imran Adam berkata, pihaknya buat masa ini masih mengekalkan harga sama.

Namun katanya, stok beras tempatan berkurangan di pasaran hampir 50 peratus.

"Kekurangan stok beras terutamanya beras jenama tempatan dikesan sejak bulan lalu, kita buat tempahan dengan pembekal 1,000 kampil tetapi sampai stok dalam 200 kampil sahaja.

"Pembekal maklumkan antara faktornya ialah bekalan padi terkesan sebab kejadian banjir

serta fenomena El-Nino, beras tak menjadi," katanya.

Beliau berkata, bekalan stok beras jenama import masih banyak di pasaran dan harganya masih sama.

"Kita belum terima apa-apa makluman lagi berhubung isu kenaikan harga beras, setakat ini kita tak naikkan lagi, mungkin selepas ini ada kenaikan," katanya.

Dalam pada itu, seorang suri rumah, Roslina Ismail, 41, berkata, dia juga terkejut dengan kenaikan harga beras yang merupakan makanan harian masyarakat.

Ujarnya, perubahan harga baharu itu sekali gus memberi kesan terhadap perbelanjaan bulanan isi rumah yang sudah terbeban dengan pelbagai kenaikan harga barang keperluan.

"Memang terkesanlah, itu makanan harian kita, setiap bulan kami yang ada lima ahli keluarga memang terkesan, kali ini beras pula naik," ujarnya.